

PENDEKATAN DAKWAH KEPADA MASYARAKAT BUDDHA DI NEGERI KELANTAN

DATO' HJ. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HJ. SALLEH.
PROF. MADYA DR. HJ. ABDUL GHAFAR BIN HJ. DON.

Abstrak

Komuniti Buddha dianggap sebagai komuniti minoriti di negara ini termasuk di Negeri Kelantan. Meskipun mereka adalah masyarakat minoriti dan marginal, dakwah terhadap mereka tetap merupakan satu tanggungjawab yang tidak boleh dikesampingkan dalam agenda memperkasa Islam dan umatnya di Malaysia. Kertas ini cuba melihat pendekatan dakwah terhadap masyarakat Buddha secara umum dan masalah dakwah secara khusus di negeri Kelantan. Cadangan berkaitan pendekatan dakwah terhadap masyarakat Buddha Siam secara khusus juga dikemukakan dalam kertas ini.

1. PENDAHULUAN

Dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam khususnya masyarakat Buddha merupakan satu kewajiban yang sangat besar dalam konteks keharmonian kaum di Malaysia. Rakyat Malaysia yang terdiri dari masyarakat berbilang kaum dan agama seharusnya didedahkan dengan keindahan agama Islam agar semua kalangan mereka memahami keagungan Islam dan sekaligus mereka tidak akan bermusuhan dengan Islam. Mereka juga mesti memahami bahawa agama Islam adalah agama untuk semua dan Islam tidak pernah memaksa sesiapa untuk menganutnya secara paksa. Firman Allah S.W.T (Al-Qur'an, Surah Al-Baqarah 2: 256):

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى

لَا أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); Sesungguhnya Telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Kerana itu barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, Maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. dan Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui.

2. PENYATAAN MASALAH

Dakwah adalah satu persoalan yang penting dalam konteks perkembangan Islam semenjak dahulu. Ini kerana manusia diciptakan dengan tujuan untuk menjadi hamba kepada Allah dan melalui proses dakwah, hati manusia dapat dijinakkan kepada tujuan penciptaannya. Namun begitu, dalam gerakan dakwah pada hari ini, kita mendapati bahawa usaha-usaha dakwah yang dibuat di Negara ini tidak begitu berkesan sehingga kadar pertumbuhan saudara baru amat kecil dan orang Melayu terus dilihat sebagai pendominasi Islam di negara ini. Sedangkan, di negara asal masyarakat Cina dan India, jumlah umat Islam mengatasi jumlah orang Melayu di negara ini. Dalam kata lain Islam terus menjadi agama orang Melayu sahaja, manakala bangsa - bangsa lain kekal dengan agama masing-masing.

Persoalan yang besar di sini ialah kegagalan proses dakwah yang dilaksanakan ke atas orang bukan Islam, khususnya penganut agama Buddha sebagai komuniti kedua terbesar di Kelantan. Usaha dakwah memang ada dilaksanakan walaupun tidak secara besar-besaran. Walaubagaimanapun tahap keberkesanannya amat rendah. Apakah ia berpunca daripada ketiadaan kesungguhan pendakwah atau uslub dakwah mereka tidak tepat atau terdapat faktor-faktor lain yang mendorong kearah itu. Perkara ini harus dilihat dengan teliti kerana sejarah negeri Kelantan telah menunjukkan bagaimana orang-orang Melayu yang dahulu beragama Buddha telah berjaya di-Islamkan oleh para ulamak terdahulu, sedangkan orang-orang Cina dan Siam yang juga beragama Buddha masih gagal di-Islam oleh para pendakwah hari ini. Budaya orang Melayu dengan orang Siam tidak jauh bezanya, tetapi mengapa mereka mempunyai sikap yang berbeza terhadap Islam?. Orang-orang Cina boleh menerima Islam di China, tetapi tidak mempunyai sikap yang sama di negara ini.

Dalam konteks ini, isu yang paling utama ialah keberkesanan pendekatan dakwah yang digunakan oleh para pendakwah dalam mendekati penganut Buddha di Kelantan. Kajian ini cuba melihat pendekatan-pendekatan yang telah digunakan dan yang sesuai digunakan dalam maksud meningkatkan keberkesanan dakwah ini. Penganut agama Buddha tidak mempunyai sikap yang keras terhadap Islam, tetapi pendekatan pendakwah Islam tidak begitu berjaya, dan kerana itu setiap pendekatan itu perlu dinilai semula dan diberikan nilai tambah supaya ia menjadi lebih efektif.

3. Hukum Berdakwah

Terdapat banyak dalil-dalil daripada Al-Qur'an dan Al-Sunnah tentang kewajiban menyampaikan dakwah Islamiah kepada manusia sejagat khususnya kepada masyarakat bukan Islam. Dalil-dalil yang menunjukkan bahawa menyampaikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam seperti masyarakat Buddha adalah wajib sangatlah banyak. Antara lainnya ialah:

Pertama : Dalil-dalil dari Al-Qur'an Al-Karim

Firman Allah S.W.T (Al-Qur'an, Surah Al-Syura, 42: 15) :

فَلِذَلِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ ءَامَنْتُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَلْنَا وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ اللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ

الْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

Oleh Yang demikian itu, maka serulah (Mereka - Wahai Muhammad (kepada beragama dengan betul), serta tetap teguhlah Engkau menjalankannya sebagaimana Yang diperintahkan kepadaMu, dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka; sebaliknya katakanlah: "Aku beriman kepada Segala Kitab Yang diturunkan oleh Allah, dan Aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan Kami dan Tuhan kamu. bagi Kami amalan Kami dan bagi kamu amalan kamu. tidaklah patut ada sebarang pertengkaran antara Kami dengan kamu (kerana kebenaran telah jelas nyata). Allah akan menghimpunkan kita bersama (pada hari kiamat), dan kepadaNya lah tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan.

Kedua: Dalil-dalil dari Hadis Nabi S.A.W:

Selain dari penegasan dari Allah S.W.T di dalam Al-Qur'an, terdapat juga Hadis-Hadis daripada Rasulullah S.A.W yang menjelaskan hukum berdakwah khususnya kepada masyarakat bukan Islam.

Sabda Rasulullah S.A.W :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: بلغوا عني ولو آية¹

¹ Al Bukhāri, Saḥīḥ Al Bukhāri, kitāb ahādīs al-ambiya', no hadis: 3461, 6/496

Maksudnya:

Sabda Rasulullah S.A.W, hendaklah kamu menyampaikan Islam ini walaupun sepotong ayat sahaja.

Sabdanya lagi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: فاليلغ الشاهد منكم الغائب²

Maksudnya:

Bersabda Rasulullah S.A.W: hendaklah kamu yang hadir mendengar ucapan ku ini menyampaikannya pula kepada orang yang tidak hadir.

Para alim ulamakk Islam bersependapat mengatakan bahawa hukum menyampaikan Islam kepada masyarakat bukan Islam adalah wajib. Walau bagaimana pun mereka berselisih pendapat tentang bentuk kewajipan samada wajib secara fardu 'ain atau fardu kifayah.

4. Kaedah-Kaedah Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat Buddha (*Wasāil Al-Dakwah*)

Untuk memastikan dakwah yang akan dilancarkan memberi kesan yang mendalam maka kaedah penyampaian dakwah kepada masyarakat Buddha di Kelantan boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu :

7.4 Dakwah melalui ucapan

Dakwah melalui ucapan merupakan satu wasilah yang paling banyak digunapakai oleh Rasulullah S.A.W. disepanjang tempoh kenabian baginda. Ia dilihat dapat memberi kesan yang memberangsangkan kepada hasil dakwah Islamiah khususnya dakwah yang dilancarkan kepada masyarakat bukan Islam. Terdapat banyak ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim yang menjelaskan kepentingan dakwah melalui ucapan yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W, antara lainnya ialah firman Allah S.W.T (Al-Qur'an, Surah Ibrahim, 14: 4):

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ. لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ

الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

² Al Bukhāri, Sahīh Al Bukhāri, Kitāb al hajj, bāb al-khutbah ayyām Mina, no hadis:1741, 3/573-574

Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan Dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. maka Allah menyesatkan sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Dalam hal ini para pendakwah hendaklah menjaga beberapa perkara asas dalam menjayakan urusan dakwah, antara lainnya ialah:

- i. Pendakwah hendaklah memahami matlamat sebenar berdakwah. Berdakwah adalah tugas asas yang difardukan oleh Allah S.W.T kepada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan. Adapun kuasa penentu kepada kejayaan dakwah adalah milik Allah S.W.T sahaja. Dengan ini pendakwah tidak akan rasa dukacita sekiranya usaha yang dilakukan itu mungkin tidak membawa hasil yang berkesan. Firman Allah S.W.T (Al-Qur'an, Surah Al-Qasas, 28: 56):

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya, dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mau menerima petunjuk.

- ii. Pendakwah metilah menggunakan bahasa yang mudah dan boleh difahami oleh pendengar. Sebaik-baik bahasa yang digunakan oleh pendakwah dalam konteks dakwah kepada masyarakat buddha di Kelantan ialah bahasa Cina dan Siam.
- iii. Pendakwah mestilah menjauhkan diri dari sifat sombong dan angkuh dalam kehidupan mereka. Sifat terkeji sebegini akan menjauhkan masyarakat bukan Islam dengan ajaran Islam. Malah mereka akan menganggapkan Islam sebuah agama yang tidak baik.
- iv. Pendakwah juga mestilah berlemah lembut dalam tuturkatanya. Sifat lemah lembut mampu menarik perhatian masyarakat bukan Islam untuk memberi perhatian terhadap kandungan dawah yang disampaikan.

7.5 Dakwah melalui tulisan

Antara wasilah yang berkesan dalam urusan dakwah terutamanya kepada masyarakat bukan Islam ialah dengan cara penulisan. Kaedah ini amat sesuai dizaman sekarang kerana kebanyakan masyarakat suka membaca dan mengkaji sesuatu perkara. Kaedah penyampaian dakwah melalui pembacaan juga mampu mengelak sasaran dakwah merasakan mereka sedang didakwah. Perasaan sebegini boleh melahirkan rasa tidak senang dikalangan sasaran dakwah yang boleh menyebabkan mereka menolak dakwah secara keseluruhannya sebelum ianya disampaikan.

Rasulullah S.A.W di dalam sejarah penyampaian dakwah kepada golongan bukan Islam baginda pernah mengambil pendekatan dengan cara menulis surat. Antara surat baginda yang masyhur ialah surat kepada raja Kisra di Iraq, raja Hiraklar di Syam dan raja Muqauqis di Mesir. Wasilah ini juga digunapakai oleh ramai para ulamak terdahulu seperti imam Auza'ie' yang menghantar surat kepada pembesar kerajaan Abbāsiah di Syam mengajak mereka memeluk Islam.

7.6 Dakwah melalui amalan dan tauladan

Dakwah melalui tauladan adalah wasilah yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W disepanjang hayat baginda. Kaedah pendekatan dakwah cara ini amat berkesan kerana sasaran dakwah yang ada akan tertarik dengan sikap dan tingkahlaku pendakwah itu sendiri. Terdapat banyak dalil-dalil daripada Al-Qur'an, Al-Hadis dan kenyataan para sahabat Rasulullah dalam membicarakan tajuk ini.

Dalam hal ini Allah menyifatkan Rasulullah S.A.W sebagai seorang Rasul yang mampu mencontohi segala amalan Islam yang diturunkan kepada baginda. Firman Allah S.W.T. (Al-Qur'an, Surah Al-Ahzāb, 33: 21):

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٦١﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik, Iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

Pendakwah hendaklah sentiasa memastikan dirinya sentiasa beramal dengan seluruh ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. kerana ajaran Islam adalah model yang sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Dengan pengamalan ini maka pendakwah mampu menarik perhatian umum khususnya masyarakat bukan Islam untuk mengenali dan mendekati Islam.

4.4 Dakwah melalui pelaksanaan syariat Islam

Perlaksanaan syariat Islam memainkan peranan yang amat penting dalam urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Dengan pelaksanaan Islam ianya dapat dilihat secara amali oleh semua rakyat di dalam negara tersebut. Keadilan Islam pastinya dapat menarik minat siapa saja yang mencintai kebaikan dan kesejahteraan. Hal ini banyak terdapat dalam sejarah Islam sejak zaman berzaman. Sekiranya ajaran Islam tidak dilaksanakan di dalam sesebuah negara secara menyeluruh nescaya keadilan dan keharmonian Islam tidak akan dapat dirasai dan dilihat secara jelas bahkan akan dianggap sama seperti agama-agama lain. Lebih parah lagi apabila Islam sentiasa digambarkan oleh musuh-musuhnya sebagai agama teroris, ekstrime dan sebagainya yang sekali gus akan menjauhkan masyarakat bukan Islam dari mendekati dan memahami agama Islam.

Pengkaji melihat bahawa pelaksanaan Islam secara menyeluruh merupakan proses pelaksanaan dakwah Islamiah yang amat berkesan dan mampu menarik manusia yakin dengan ajaran Islam. Kedudukan agama Buddha yang amat terbatas kepada aspek moral semata-mata adalah menjadi ruang yang baik untuk dikemukakan Islam sebagai alternatif untuk mereka. Islam yang syumul sangat menarik untuk dijadikan modal dakwah kepada masyarakat Buddha.

5. RUMUSAN ANALISIS

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji dapat merumuskan bahawa kegiatan dakwah Islamiah secara terancang kepada masyarakat Buddha berada ditahap kurang memuaskan dan terbatas sejak zaman awal kemasukan Islam ke Kelantan sehingga kehari ini. Urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam banyak tertumpu kepada masyarakat Orang Asli sahaja bukannya kepada masyarakat Buddha walaupun jumlah penduduk beragama Buddha jauh lebih ramai berbanding dengan penduduk Orang Asli. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kegiatan ini terbatas, antara lainnya ialah:

a. Tiada Badan Dakwah yang Rasmi

Di antara kelemahan yang amat ketara yang berlaku di Negeri Kelantan ialah tidak adanya pusat dakwah yang benar-benar memainkan peranan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Oleh kerana kewujudan pusat dakwah sekaligus akan melahirkan pekerja-pekerja dan pendakwah maka keperluannya dianggap amat mustahak. Pusat-pusat dakwah yang ada seperti

PERKIM, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Agama Islam hanya dilihat berperanan terhadap masyarakat orang Asli sahaja.

b. Kurangnya Tenaga Pakar Dalam Dakwah

Oleh kerana uslub dakwah kepada masyarakat bukan Islam memerlukan kepada kepakaran khusus dan ianya tidak sama dengan uslub dakwah kepada masyarakat Islam. Di Malaysia umumnya pendakwah hanya mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah kepada masyarakat Islam sahaja. Adapun kepakaran dakwah kepada masyarakat bukan Islam adalah sangat terbatas. Oleh itu kepakaran tersebut mestilah dibina oleh pihak yang berkemahiran tinggi dan mempunyai pengalaman cukup samada dari pihak kerajaan mahupun swasta.

Tenaga pakar ini kebanyakannya berada di negara-negara timur tengah atau negara-negara yang ada padanya pusat-pusat dakwah Islamiah untuk masyarakat bukan Islam. Oleh itu satu perancangan khusus hendaklah diatur oleh kerajaan dan semua pihak berwajib supaya para pendakwah di Malaysia dapat mengambil semua bentuk kepakaran yang dimiliki oleh mereka. Mengikut Dr. Khālid Al-Syātī,³ beliau belum pernah menerima sebarang perwakilan dari Malaysia untuk tujuan tersebut.

c. Kurang Perancangan Dakwah yang Tersusun

Pada umumnya perancangan dakwah Islamiah untuk masyarakat bukan Islam mestilah berpusat dan berorganisasi. Oleh kerana pusat dakwah Islamiah yang Khusus untuk masyarakat bukan Islam tidak wujud di Malaysia, maka sudah pastinya perancangan gerak kerja dakwah juga tidak wujud secara berstrategi dan tersusun. Pusat-pusat dakwah yang wujud di Malaysia hanyalah bersifat umum yang hanya dibentuk beberapa lajnah atau jabatan di dalamnya untuk tujuan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Tumpuan untuk masyarakat bukan Islam pula banyak tertumpu kepada masyarakat orang Asli sahaja. Walaupun ada usaha gigih dari beberapa individu dalam jabatan tersebut yang memberi fokus kepada urusan dakwah kepada masyarakat Buddha, Hindu dan sebagainya, namun ianya tidak menggambarkan satu usaha yang terancang dan berseterategik yang boleh memberi kesan yang sewajarnya kepada dakwah Islamiah untuk mereka.

d. Kurang Memahami Kewajiban Menyampaikan Dakwah kepada Masyarakat Bukan Islam

³ Temuramah dengan beliau di pejabatnya pada 16/5/2010.

Isu yang paling besar berlakunya kelembapan kegiatan dakwah dan terhalangnya penubuhan pusat-pusat dakwah Islamiah untuk masyarakat bukan Islam adalah disebabkan tiada kesedaran tentang hukum menyampaikan Islam kepada mereka sebagai kewajipan secara fardu ain ke atas para alim ulamak. Suasana ini berlaku kerana tiada tanggungjawab yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memberi penjelasan secara berterusan kepada para ulamak di dalam negara. Pendedahan yang sepatutnya juga sangat jarang dibuat oleh pihak berwajib kepada masyarakat umum sehingga hukum wajib secara fardhu ain kurang difahami oleh masyarakat.

e. Wujud Unsur Perkauman dalam Masyarakat

Hal ini dapat dilihat apabila jumlah masyarakat Islam yang bergaul rapat dengan masyarakat Cina dan Siam di Kelantan adalah rendah iaitu sebanyak 2.1% bagi kategori kerap, dan 0% bagi kategori sangat kerap. Walaupun sikap perkauman ini sangat ditolak oleh Islam, namun ianya masih berlaku di Negeri Kelantan. Dalam konteks dakwah sikap ini sangat tidak wajar kerana ia akan menghalang apa jua urusan untuk mendekati mereka. Secara logiknya ummat Islam juga tidak akan bertindak melaksanakan tuntutan agama seperti membayar zakat kepada mereka, menjemput mereka dalam majlis-majlis keagamaan dan lain-lainnya.

f. Tidak Wujud Negara Islam yang Mampu Menterjemahkan Islam Secara Syumul

Perlaksanaan Islam secara menyeluruh dalam pemerintahan negara sangat mustahak kerana dengannya Islam akan terserlah dan membentuk persepsi dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam. Negara yang melaksanakan Islam secara syumul akan menjadikan contoh tauladan dan sekaligus membentuk bahan penyampaian dakwah secara amali kepada semua manusia. Sistem kehakiman, pentadbiran, politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain yang berteraskan Islam mampu menarik masyarakat bukan Islam memeluk Islam atau paling tidak mengajak mereka mengenali Islam secara langsung. Mereka juga tidak akan bermusuhan dan anti dengan Islam kalau mereka dapat bermuamalah dengan sistem tersebut.

g. Kurang Peruntukan Kewangan Daripada Kerajaan

Peruntukan khas untuk pengurusan dakwah kepada masyarakat Bukan Islam sangat terbatas. Peruntukan yang disalurkan juga tidak berfokus menyebabkan timbulnya kesukaran untuk

digunakan dalam urusan dakwah kepada masyarakat Buddha.⁴ Hakikat ini perlu diselesaikan kerana jumlah penganut ajaran Buddha di Kelantan adalah paling ramai berbanding dengan agama-agama lain selain Islam. Sebahagian besar dari peruntukan yang dikeluarkan untuk urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam banyak tertumpu kepada masyarakat orang Asli walaupun golongan ini sangat minoriti berbanding dengan penganut agama Buddha.

h. Wujud Tasawur yang Salah tentang Sasaran Dakwah

Ramai dalam kalangan para alim ulamak yang hanya sibuk dengan urusan mengajar di masjid-masjid dan pusat-pusat Islam yang lain tanpa mereka memikirkan peranan yang wajib dimainkan untuk urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Gambaran tempat berdakwah yang wujud di dalam pemikiran para pendakwah ialah masjid, surau, sekolah-sekolah agama dan tempat seumpamanya. Mereka lupa bahawa Rasulullah S.A.W memainkan peranan dakwah yang paling banyak ialah kepada masyarakat bukan Islam.

i. Kurangnya Pertukaran Pengalaman Dakwah dengan Negara-Negara Islam Lain

Antara faktor terbesar berlaku kelemahan yang sangat ketara dalam urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam adalah disebabkan ketandusan maklumat dan pengalaman dakwah untuk golongan ini. Pihak kerajaan dan swasta tidak banyak mengadakan lawatan khusus yang berkesan ke negara-negara yang mempunyai pengalaman luas dalam urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam seperti Kuwait, Singapura, Arab Saudi dan lain-lain.

j. Wujud Sikap Memilih Kerja Dakwah yang Lebih Mudah

Mengikut (Bayyūmi: 2007) para pendakwah mestilah lebih berani menghadapi ujian dan kesukaran dalam dakwah terutama ketika berdepan dengan masyarakat bukan Islam. Dalam konteks dakwah kepada masyarakat bukan Islam ianya jauh lebih sukar berbanding dengan sasaran lain seperti masyarakat orang asli, namun kepentingannya adalah lebih utama. Diantara sikap yang berlaku dalam kalangan pihak berwajib dalam urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam ialah memilih kumpulan sasaran dakwah yang mudah. Hasil kajian mendapati bahawa punca sebenar pihak berwajib memberi perhatian khusus kepada masyarakat orang asli adalah disebabkan masyarakat ini mudah menerima Islam. Mereka boleh dibayar dengan harga yang rendah untuk mengucap dua kalimah syahadah. Kemudian pihak berwajib pula mudah membuat laporan di jabatan masing-masing seperti berapa jumlah yang memeluk Islam, berapa kadar perbelanjaan dan lain-

⁴ Temuramah dengan ustaz Saibon bin Ismail. Pegawai kanan dakwah Majlis Agama Islam Kelantan pada 12 Jun 2011 di kediamannya, Kota Bharu, Kelantan.

lainnya. Kebanyakan pihak berwajib mengambil jalan mudah dan memejamkan mata apabila adanya gerakan dari agama lain seperti kristian yang juga bertindak membayar sasaran ini untuk mengkristiankan mereka. Usaha dakwah kepada masyarakat Buddha sangat jarang dilakukan oleh pihak berwajib kerana sasaran ini jauh lebih sukar berbanding dengan masyarakat orang Asli.

6. CADANGAN

Berdasarkan kepada pengamatan dan kajian soal selidik yang dijalankan, pengkaji dapat mengemukakan beberapa cadangan untuk memantapkan lagi gerakan dakwah Islamiah agar ianya lebih berkesan untuk masyarakat Buddha khususnya dan masyarakat bukan Islam yang lain secara umumnya. Cadangan ini akan memberi kesan yang baik kepada agenda dakwah Islamiah kepada masyarakat Buddha terutama pada tiga agensi utama; Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, badan-badan dan agensi-agensi swasta dan individu dalam kalangan para ulamak.

Bagi memantapkan lagi agensi-agensi dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam terutamanya penganut-penganut agama Buddha, pengkaji juga ingin mencadangkan beberapa fakta agama yang perlu diketengahkan dalam penyampaian dakwah kepada mereka.

6.1 CADANGAN KEPADA KERAJAAN

- a. Reformasi semula kefahaman hukum berdakwah kepada masyarakat bukan Islam kepada para alim ulamak.**
- b. Mengikis semula sikap perkauman yang tebal khususnya kepada para ilmuan Islam.**
- c. Mewujudkan negara islam yang mampu memberi imej Islam yang sebenar kepada masyarakat bukan Islam.**
- d. Mengadakan kursus kaedah pelaksanaan dakwah kepada semua para pendakwah.**
- e. Menyusun sistem pendidikan bersepadu negara.**
- f. Membina pusat-pusat dakwah Islamiah secara bersepadu di semua negeri-negeri di Malaysia.**
- g. Menyusun program keagamaan untuk masyarakat bukan Islam.**
- h. Melancarkan dakwah melalui media massa arus perdana.**
- i. Malahirkan pendakwah yang mahir berbahasa ibunda bukan Islam.**
- j. Menyediakan bahan-bahan bacaan yang sesuai dan diagih secara percuma.**
- k. Mengadakan kursus secara bersiri khusus untuk pendakwah.**

- l. Menyusun dan merancang penempatan khusus untuk tujuan dakwah.**
- m. Merancang program keagamaan (Islam) oleh kerajaan secara berstrategik.**
- n. Menyusun program ceramah politik Islam secara bersama.**
- o. Menyediakan kemudahan pinjaman dan gadaian Islam untuk masyarakat bukan Islam.**
- p. Mewujudkan dana kebajikan khas untuk masyarakat bukan Islam.**

7.7 CADANGAN KEPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN DAN SWASTA

- a. Memperbanyakkan penubuhan badan-badan dakwah melalui ngo dan swasta.**
- b. Membina pusat-pusat gerakan dakwah setempat seperti di masjid dan lain-lain.**
- c. Membina pusat-pusat pendidikan khas bagi melahirkan tenaga mahir dalam dakwah kepada masyarakat bukan Islam.**
- d. Mengeratkan hubungan dengan semua badan-badan dakwah yang wujud dalam dan luar negara.**
- e. Menubuhkan dana khas untuk membantu masyarakat bukan Islam.**
- f. Menganjurkan forum terbuka antara agama.**

7.8 CADANGAN KEPADA PARA PENDAKWAH

Hasil kajian dan pengamatan yang dibuat oleh pengkaji, di sini dapat dirumuskan beberapa cadangan yang membabitkan para alim ulamak Islam di negeri Kelantan. Antara lainnya ialah:

- a. Memberi kefahaman tentang hukum menyampaikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam.**
- b. Mempelajari ilmu perbandingan agama antara Islam dan Buddha.**
- c. Menguasai kepelbagaian bidang ilmu Islam sebagai maklumat sokongan.**
- d. Sentiasa mengambil berat permasalahan masyarakat bukan Islam.**
- e. Sentiasa bersikap terbuka dan sabar dalam dakwah.**
- f. Menjaga imej dan keterampilan semasa mendekati sasaran dakwah.**
- g. Menjemput dan melayani masyarakat bukan Islam dalam program keagamaan yang dianjurkan.**
- h. Menguasai bahasa ibunda mereka.**
- i. Merancang perkahwinan campur antara masyarakat Islam lelaki dengan pasangan bukan Islam perempuan.**
- j. Menguasai bidang ilmu IT.**

- k. Mengarang dan mencetak buku-buku dan risalah berunsur dakwah.**

7.9 CADANGAN BEBERAPA FAKTA ASAS AGAMA ISLAM YANG SESUAI UNTUK MASYARAKAT BUDDHA

Kaedah penyampaian dan isi kandung dakwah Islamiah yang bakal disampaikan oleh pendakwah kepada masyarakat bukan Islam, terutamanya masyarakat Buddha hendaklah dilihat secara terperinci bagaimana cara yang dikemukakan oleh Rasulullah S.A.W.. dizaman baginda. Dakwah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.. ternyata terbaik dan membawa kesan yang amat membanggakan sehingga baginda berjaya menembusi setiap ajaran agama lain dan akhirnya Islam menjadi anutan manusia sejagat. Pengkaji melihat tidak ada asas dan teori dakwah yang lebih kukuh dari apa yang telah diajar oleh Rasulullah S.A.W. Antara yang dikemukakan oleh Baginda ketika menyampaikan dakwah kepada kaumnya ialah:

- a. Kesyumulan dan kesempurnaan ajaran Islam berbanding dengan ajaran lain.**
- b. Keadilan Islam untuk semua kaum dan agama.**
- c. Keterbukaan ajaran Islam untuk berdialog dalam semua permasalahan manusia.**
- d. Kesederhanaan ajaran Islam dalam semua aspek.**
- e. Islam menghormati penganut dan agama lain.**
- f. Keindahan ajaran Islam dalam konsep beribadah.**
- g. Kaedah Islam menangani permasalahan manusia di dunia.**
- h. Galakan Islam dalam berekonomi.**
- i. Ajaran Islam mewujudkan kesatuan dan persaudaraan.**
- j. Kaedah Islam menjaga kepentingan nyawa.**
- k. Sistem pemerintahan dalam Islam yang memberi jaminan keamanan dan kemakmuran sejagat.**
- l. Sistem sosial dan kemasyarakatan dalam Islam yang tidak membezakan antara kaum dan agama.**
- m. Keseimbangan antara dunia dan akhirat dalam semua urusan kehidupan.**
- n. Konsep pembalasan selepas mati yang meyakinkan manusia.**

8. KESIMPULAN

Umat Islam sepatutnya menyedari keperluan menyampaikan dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam terutamanya masyarakat Buddha di Kelantan. Keperluan ini boleh disimpulkan kepada dua keadaan. Pertamanya, urusan menyampaikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam adalah satu kewajiban, dan yang keduanya ialah untuk menjaga keharmonian kaum secara fitrah adalah mesti melalui ajaran Islam. Menerangkan Islam kepada kalangan bukan Islam secara berterusan akan memahamkan mereka kabaikan Islam yang menyebabkan mereka tidak akan bermusuh dengan Islam walaupun mereka tidak menganut ajaran Islam. Situasi ini akan membentuk kesejahteraan dalam kehidupan manusia yang dicipta oleh Allah sejak dari azali lagi terdiri dari berbilang kaum dan berbeza warna kulit. Firman Allah S.A.W (Al-Qur'an, Surah Al-Rum, 30: 22):

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْبَأْتُ الْأَلْبَابَ بِالنُّجُومِ وَاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالشَّمْسِ وَالْقَمَرِ ۚ وَتَبَيَّنَّ لَكُمْ فِي مِثْقَالِ ذَرَّةٍ الْحَقُّ وَالْكَافُورُ ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang Mengetahui.

RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim

Abi Syaibah, Imam Ibnu Abi Syaibah, *Musnad Imam Abi Syaibah*, al-dirasat al-salafiah, Bombay, India, cet. pertama, 1401H.

Abu Majd, Ahmad Kamāl. 1998. *Hiwār lā Muwājahah*, Dār al-Syuruk, Al-Qāhirah

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Ansāri. 1993. *Al-Jāmie' li ahkām al-Qur'an*. Dār al-kutub al-ilmiah, Bairut.

Al-Razi, Muhammad Fakhru Al-Din bin Dhia'u al-Din °Umar. 1994. *Mafātih al-Ghaib*. Dār al-fikr, li al-tiba'ah wa al-nasr wa al-tauzi'e, Bairut.

Al-Bukhāri, Imam Mohd bin Ismail Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Riasah idārah al-buhūth al-ilmiah wal ifta' wa al-da'wah wa al-irsyād, Saudi Arabia, (t.t).

- Al-Ghadbān, Dr Munīr, *Al-Tarbiyah al-qiyādiyyah*, 1998, Daru al-wafa' littibā'ah wa al-nasr wa al-tauzie', al Mansūrah, Mesir.
- Al-Muslim, Imam Muslim bin Hajjaj Al-Qusyairi, *Sahīh Muslim*, Riasah idarah al-buhuth al-ilmiah wa al-ifta' wa al-da'wah wa al-irsyād, Saudi Arabia, tahqīq Mohd Fuād al-Bāqi, 1400H.
- Al-Tirmīzi, Imam Abi Isa Al-Tirmīzi, *Jami'e Al-Tirmizi*, al-matbu' ma'a al-syarhih Tuhfatu al-ahwazi, Dār al-kutub al-ilmiah, Bairut, cet. Pertama, 1410H.
- Din, Harun, dan Azmi, Wan Hussin. 1995. *Al-da'wah al-Islam fi Maliziya, zuhūruha wa intisyāruha*, percetakan watan, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Don, Abdul Ghafar, Berhanuddin Abdullah, Zulkiple Abd Ghani (peny). 1998, *Dakwah kepada non Muslim di Malaysia: Konsep, metode dan pengalaman*. Jabatan pengajian dakwah dan kepimpinan, Fakulti pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1990. *Siamese Buddhism in a Malay state: some notes on temple organization in Kelantan*, Malaysia. In Sulak Sivaraksa et al (eds.). *Radical conservatism: Buddhism in the contemporary world: articles in honour of Bhikkhu Buddhadasa's 84th birthday anniversary*. Bangkok: Sathirakoses-Nagapradipa Foundation.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1993. *Buddhism and ethnicity: social organization of a Buddhist temple in Kelantan*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1993. *Two faces of Buddhism: Chinese participation in the Siamese temples in Kelantan*. In Cheu Hock Tong (ed.). *Chinese beliefs and practices in Southeast Asia: studies on the Chinese religion in Malaysia, Singapore, and Indonesia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1995. *Buddhisme dalam persekitaran Islam: adaptasi sosial dan budaya bicara Buddhis di Kelantan*. Dlm. Mostafa Kamal Mokhtar et. al. (pnyt.). *Karya Darma II: kemanusiaan dalam pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Yusuf Ismail. 1996. Pengaruh Siam Dan Buddha terhadap system Kepercayaan Tradisional Melayu Kelantan, *Akademia*, Bil.49, Julai, hal. 23-37.

Tho'imah, Sobīr. 1988. *Al-Islām wa 'alimuna al-ma'āsir, dirāsah fi al-da'wah wa al-du'āt.* Alāmu al-kutub, Bairut. Cetakan kedua.

Zaidan, 'Abdul Karim. 1993. *Usūl al-da'wah.* Muassasah al-risālah, Bairut. Cetakan ketiga.

Buletin Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan UPKN, bil. 40, 1-15 feb. 2007.

Fajar Islam, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan UPKN, bil. 3, 25 feb. 2006.